

No.	Butiran	Berapakah jumlah yang perlu saya bayar?	Bilakah saya akan dikenakan caj?	Apa lagi yang perlu saya tahu?
1	Penyata penebusan	RM25.00 setiap permintaan, tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM2.00, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM27.00.	Yuran ini perlu dibayar apabila anda memohon penyata penebusan. Jumlah ini akan ditolak daripada akaun pembiayaan anda.	Anda boleh menghubungi kami melalui saluran berikut: a) Contact Center 03-5516 9988 (8 pagi hingga 10 malam setiap hari), atau b) Kunjungi cawangan kami untuk mendapatkan bantuan
2	Surat pengesahan untuk pengeluaran KWSP	<ul style="list-style-type: none"> - RM25.00 bagi setiap permintaan salinan fizikal, tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM2.00, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM27.00. - Caj tambahan: bayaran pos sehingga RM5.00, tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM0.40, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM5.40, jika anda meminta dokumen salinan cetak untuk diposkan kepada anda. - Tiada caj jika layan diri dalam talian. 	Yuran ini perlu dibayar apabila anda memohon surat pengesahan untuk pengeluaran KWSP. Jumlah ini akan ditolak daripada akaun pembiayaan anda. Anda juga boleh memohon surat pengesahan melalui laman web KWSP, dan tiada caj dikenakan untuk perkhidmatan layan diri.	Surat ini adalah untuk mengesahkan kemudahan pembiayaan anda dengan pihak bank bagi tujuan pengeluaran KWSP. Sila rujuk laman web KWSP untuk maklumat lanjut mengenai syarat pengeluaran perumahan KWSP.
3	Salinan dokumen (contoh dokumen: surat hak milik, dokumen gadaian, jaminan, surat tawaran, perjanjian jual beli).	<ul style="list-style-type: none"> - RM7.00 untuk setiap dokumen, tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM0.56, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM7.56. - Bayaran tambahan: bayaran pos sehingga RM15.00 (berdasarkan berat), tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM1.20, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM16.20, jika anda meminta dokumen salinan cetak dihantar kepada anda. - Tiada caj jika dokumen dihantar melalui e-mel. 	Yuran ini perlu dibayar apabila diminta.	Untuk mengelakkan caj pengambilan semula, sila simpan dengan selamat dokumen yang dihantar atau disalin (CC) kepada anda.
4	Permintaan penyata pembiayaan (Ad hoc)	<ul style="list-style-type: none"> - RM2.00 untuk setiap permintaan, tertakluk kepada 8% SST berjumlah RM0.16, dengan jumlah perlu dibayar sebanyak RM2.16. - Tiada caj jika penyata dihantar melalui e-mel atau kutipan di cawangan bank. 	Yuran ini perlu dibayar apabila diminta.	Kami menggalakkan anda untuk mendaftar perbankan dalam talian kami - allianceonline bagi melihat dan memuat turun e-penyata pembiayaan anda. Perkhidmatan ini disediakan tanpa sebarang caj dan anda boleh mengakses penyata anda pada bila-bila masa, di mana sahaja

No.	Butiran	Berapakah jumlah yang perlu saya bayar?	Bilakah saya akan dikenakan caj?	Apa lagi yang perlu saya tahu?
5	Caj lewat bayar	<p>Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan sehingga jumlah tunggakan tersebut diselesaikan.</p>	<p>Sekiranya berlaku kemungkiran bayaran sepanjang tempoh pembiayaan dan sehingga tarikh matang kemudahan, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi 1% setahun atau pada kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atas amaun tertunggak yang terakru dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan pembiayaan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang pembiayaan, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi 1% setahun atau pada kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atas baki belum jelas (jumlah pokok belum jelas dan keuntungan yang terakru) dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran bayaran selepas tarikh matang pembiayaan, pihak Bank akan mengutip caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi kadar harian Pasaran Wang Antara Bank (IIMM) semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki belum jelas (jumlah pokok belum jelas dan keuntungan yang terakru) dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan pembiayaan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kadar harian Pasaran Wang Antara Bank (IIMM) semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki belum jelas (yang tidak termasuk caj bayaran lewat yang belum dibayar dan kos lain sebelum penghakiman) dari tarikh penghakiman sehingga hutang penghakiman diselesaikan</p>	<p>Sekiranya anda gagal membuat sebarang bayaran ansuran / bayaran keuntungan pada tarikh akhir bayaran pembiayaan anda, ia akan dianggap sebagai tunggakan. Bayaran lewat atau tidak dibuat akan memberi kesan negatif terhadap skor kredit anda. Untuk mengelakkan bayaran lewat, sila pastikan anda sentiasa membuat bayaran tepat pada masanya.</p> <p>Sebagai alternatif, anda boleh membuat bayaran ansuran dengan lebih mudah melalui penetapan Arahan Tetap (SI) atau Pemindahan Dana Automatik (AFT) bagi mengelakkan bayaran lewat atau terlepas:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) SI – Anda boleh mengarahkan pihak bank untuk membuat bayaran ke akaun tertentu dengan jumlah yang ditetapkan pada selang masa yang tetap. Walau bagaimanapun, anda perlu ambil maklum bahawa sekiranya terdapat perubahan pada jumlah ansuran, SI perlu dikemas kini mengikut jumlah baharu. b) AFT – Anda memberi kebenaran kepada pihak bank untuk mendebitkan jumlah yang perlu dibayar secara automatik daripada akaun bank anda.

No.	Butiran	Berapakah jumlah yang perlu saya bayar?	Bilakah saya akan dikenakan caj?	Apa lagi yang perlu saya tahu?
			sepenuhnya. Walau bagaimanapun, amaun ganti rugi di atas tidak boleh dikompaun.	
6	Yuran Guaman dan Pembayaran	Termasuk yuran guaman seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Ganjaran Peguamcara (SRO) dan yuran pembayaran (yuran termasuk tetapi tidak terhad kepada fi pendaftaran, fi pencarian dan caj lain yang berkaitan).	Yuran hendaklah dibayar kepada peguam apabila dokumen pembiayaan ditandatangani.	Anda juga boleh memilih untuk membiayai kos-kos ini (sehingga 5% daripada nilai hartanah) melalui pembiayaan anda dan membantu mengurangkan kos pendahuluan.
7	Duti Setem	Duti Setem seperti yang dinyatakan dalam Akta Setem 1949 (Disemak 1989).	Peguam akan mengutip duti setem semasa dokumen pembiayaan ditandatangani dan bayaran tersebut adalah perlu dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).	
8	Yuran Penilaian	Yuran Penilaian untuk menyediakan laporan penilaian formal (untuk hartanah siap sedia sahaja).	Bayaran hendaklah dibuat kepada penilai setelah perkhidmatan diberikan.	